

MEDIA STATEMENT

IDEAS' PANTAU LAKSANA REPORT CALLS FOR GREATER TRANSPARENCY IN GOVERNMENT SPENDING

Kuala Lumpur, 16 February 2023 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has published a report titled *Pantau Laksana: Assessing Malaysia's Transparency and Accountability Initiatives in Implementing Emergency Fiscal Responses*. The report calls for more standardised and transparent reporting on implementation of government programmes. The report discusses the sources of funds, funds allocation, beneficiaries, and reporting of the nine economic stimulus packages (ESPs) rolled out during the height of the COVID-19 pandemic from 27 February 2020 to 28 June 2021.

"Pantau Laksana is an initiative from IDEAS to encourage the public and other civil society organisations (CSOs) to monitor government spending financed by the regular annual budgets or stimulus packages. Pantau Laksana was motivated by the tradeoff between crisis response and oversight that took place during the height of the pandemic, where most of the ESPs were announced by the government without adequate parliamentary oversight," said Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS. To close the oversight gap, the Ministry of Finance established the LAKSANA unit that was tasked to provide regular updates about the implementation of initiatives under the ESPs.

Through Pantau Laksana, IDEAS has created a data set to obtain a better picture of the ESPs, which provides us an overview of the types of fiscal impact, funding sources, and types of beneficiaries achieved as a result of the various stimulus packages. The data set is available at www.pantauwangkita.com. Overall, RM526.3 billion in estimated programme value was announced through the 9 ESPs covered in the dataset: 2020 ESP, PRIHATIN, PRIHATIN SME+, PENJANA, KitaPRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+, and PEMULIH.

In compiling the data from the ESP speeches, IDEAS found that the monetary value of 96 out of 291 distinct announcements were not disclosed. Government expenditures (24 announcements) and foregone revenues (29 announcements) make up more than half of these undisclosed estimates of fiscal impact. It was also not entirely possible to distinguish the sources of funding for some of the programmes. For example, the ESP announcements did not fully indicate the disaggregated value of discounts provided by TNB, subsidies drawn from the Electricity Industry Fund, or subsidies from the government's earmarked COVID-19 Fund.

The Pantau Laksana dataset suggests that about 35% of the value of stimulus measures announced (RM186.2 billion) came from the government, while the rest came from the government ecosystem (statutory bodies and government-linked companies), the private sector, or a mix of any two of the sources. Direct expenditure forms nearly half of the government-sourced stimulus (RM96.6 billion), with the largest categories of expenditure being the wage subsidies followed by cash transfers. The second largest allocation of value for government stimulus was in loan guarantee facilities totalling RM75 billion. The single largest contribution in value to the ESPs came from the RM210 billion estimated value affixed to the loan moratorium programme, a liquidity measure which did not involve government expenditure.

The dataset also records the implementation data from the government's LAKSANA reports from 14 April 2020 to 31 October 2021 (a total of 73 reports). The dataset suggests that LAKSANA only reported 86 out of 201 programmes. The most extensively reported programmes are part of the COVID-19 Fund, indicating that the focus of reporting was on the government's direct expenditure, with the Wage Subsidy Programme as the most extensively reported programme within the study's time frame.

"IDEAS commends the efforts taken to provide frequent reporting on the ESPs' key programmes. However, disclosure gaps and inconsistent reporting formats hamper the public's ability to actively monitor and thus hold the government accountable," said Alissa Rode, Research Manager of the Public Finance Unit at IDEAS. "While perhaps not all programmes require the attention and resources of weekly reporting, setting a standard schedule of monthly or quarterly reports for less critical programmes would provide more predictability and consistency in the level of information provided."

IDEAS recommends that the government provide a strong mandate and digital resources to institutionalise public reporting on implementation to achieve greater transparency and consistency in disclosure. This could be done by setting benchmark standards in the Fiscal Responsibility Act when it is introduced, which we are hopeful will be done soon. The government should also maintain consistency in the indicators and frequency of reporting, to ensure that data is meaningfully comparable.

Pantau Laksana is part of [Pantau Wang Kita](#), an IDEAS initiative to monitor transparency in government budgets and expenditure in Malaysia.

Download the full report [here](#).

--- END ---

For enquiries, please contact:

Alissa Rode
Research Manager
Public Finance Unit
alissa@ideas.org.my

Louis Denis
External Relations Manager
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN PANTAU LAKSANA IDEAS SERU LEBIH KETELUSAN DALAM PERBELANJAAN KERAJAAN

Kuala Lumpur, 16 Februari 2023 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah melancarkan sebuah laporan bertajuk *Pantau Laksana: Assessing Malaysia's Transparency and Accountability Initiatives in Implementing Emergency Fiscal Responses*. Laporan ini menyeru pelaporan yang lebih seragam dan telus dalam pelaksanaan program kerajaan. Laporan ini membincangkan sumber dana, peruntukan dana, benefisiari, dan pelaksanaan sembilan pakej rangsangan ekonomi (ESPs) yang dilancarkan sewaktu kemuncak pandemik COVID-19 dari 27 Februari 2020 hingga 28 Jun 2021.

"Pantau Laksana adalah inisiatif daripada IDEAS untuk menggalakkan orang ramai dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) lain memantau perbelanjaan kerajaan yang dibiayai oleh belanjawan tahunan biasa atau pakej rangsangan. Pantau Laksana didorong oleh penggadaian atau *tradeoff* antara tindak balas krisis dan pengawasan yang berlaku semasa kemuncak wabak, di mana kebanyakan ESP diumumkan oleh kerajaan tanpa pengawasan Parlimen yang mencukupi," kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS. Untuk merapatkan jurang pengawasan, Kementerian Kewangan telah menubuhkan unit LAKSANA yang ditugaskan untuk menyediakan maklumat terkini secara berkala tentang pelaksanaan inisiatif di bawah ESP.

Melalui Pantau Laksana, IDEAS telah mewujudkan satu set data untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik tentang ESP, yang memberikan kita gambaran keseluruhan tentang jenis impak fiskal, sumber pembiayaan dan jenis benefisiari yang dicapai hasil daripada pelbagai pakej rangsangan. Set data ini boleh didapati di www.pantauwangkita.com. Secara keseluruhan, dianggarkan sebanyak RM526.3 bilion dalam nilai program diumumkan melalui 9 ESP yang diliputi dalam set data: ESP 2020, PRIHATIN, PRIHATIN SME+, PENJANA, KitaPRIHATIN, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH.

Dalam menyusun data daripada ucapan-ucapan ESP, IDEAS mendapati bahawa nilai kewangan dalam 96 daripada 291 pengumuman berlainan adalah tidak didedahkan. Perbelanjaan kerajaan (24 pengumuman) dan kehilangan hasil (29 pengumuman) membentuk lebih separuh daripada anggaran kesan fiskal yang tidak didedahkan ini. Sumber pembiayaan untuk beberapa program juga tidak dapat dibezakan. Sebagai contoh, pengumuman ESP tidak menunjukkan sepenuhnya nilai diskaun terbahagi yang disediakan oleh TNB, subsidi yang diambil daripada Dana Industri Elektrik, atau subsidi daripada Dana COVID-19 yang diperuntukkan oleh kerajaan.

Set data Pantau Laksana ini mencadangkan bahawa kira-kira 35% daripada nilai pakej rangsangan yang diumumkan (RM186.2 bilion) datang daripada kerajaan, manakala selebihnya datang daripada ekosistem kerajaan (badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan), sektor swasta, atau campuran daripada mana-mana dua sumber. Perbelanjaan langsung membentuk hampir separuh daripada rangsangan sumber kerajaan (RM96.6 bilion), dengan kategori perbelanjaan terbesar adalah subsidi gaji diikuti dengan bantuan tunai. Peruntukan nilai kedua terbesar bagi rangsangan kerajaan adalah dalam kemudahan jaminan pinjaman berjumlah RM75 bilion. Sumbangan tunggal terbesar dalam nilai kepada ESP adalah daripada anggaran RM210 bilion yang ditambah pada program moratorium pinjaman, satu langkah kecairan tunai yang tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan.

Set data ini juga merekodkan data pelaksanaan daripada laporan LAKSANA kerajaan bermula 14 April 2020 hingga 31 Oktober 2021 (jumlah keseluruhan sebanyak 73 laporan). Set data ini menunjukkan bahawa LAKSANA hanya melaporkan 86 daripada 201 program. Program yang paling banyak dilaporkan adalah sebahagian daripada Dana COVID-19, menunjukkan bahawa tumpuan laporan adalah pada perbelanjaan langsung kerajaan, dengan Program Subsidi Upah sebagai program yang paling banyak dilaporkan dalam jangka masa kajian.

"IDEAS memuji usaha yang diambil kerajaan untuk menyediakan laporan yang kerap mengenai program-program utama ESP. Bagaimanapun, jurang pendedahan dan format laporan yang tidak konsisten menimbulkan halangan terhadap orang ramai untuk memantau pelaksanaan ESP secara aktif dan seterusnya memastikan kerajaan bertanggungjawab terhadapnya," kata Alissa Rode, Pengurus Penyelidikan Unit Kewangan Awam di IDEAS. "Walaupun mungkin tidak semua program memerlukan perhatian dan sumber laporan mingguan, menetapkan jadual laporan bulanan atau suku tahunan yang selaras untuk program yang kurang kritikal akan memberikan lebih kebolehamalan dan konsistensi dalam tahap maklumat yang diberikan."

IDEAS mengesyorkan agar kerajaan menyediakan mandat dan sumber digital yang kukuh untuk menginstitusikan pelaporan awam mengenai pelaksanaan untuk mencapai ketelusan dan konsistensi yang lebih besar dalam pendedahan. Kami berharap hal ini boleh dilakukan tidak lama lagi dengan menetapkan piawaian penanda aras dalam Akta Tanggungjawab Fiskal apabila ia diperkenalkan. Kerajaan juga harus mengekalkan konsistensi dalam penunjuk dan kekerapan laporan, untuk memastikan data dapat dibandingkan secara bermakna.

Pantau Laksana adalah sebahagian daripada projek [Pantau Wang Kita](#), satu inisiatif IDEAS untuk memantau ketelusan dalam belanjawan dan perbelanjaan kerajaan di Malaysia.

Muat turun laporan penuh di [sini](#).

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Alissa Rode
Pengurus Penyelidikan
Unit Kewangan Awam
alissa@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.